

Terus pegang jawatan Menteri Kewangan

Anwar dilantik TPM

Menteri Kewangan terkemuka: Euromoney

DARI MUKA 1

ngan memperolehi 1,314 undi, pada pemilihan barisan pemimpin parti itu.

Anwar yang dilahirkan di CheroK Tok Kun, Bukit Mertajam, pada 10 Ogos 1947, berkelulusan Sarjana Muda dalam Pengajian Melayu Universiti Malaya (1967-1971). Beliau pernah memimpin gerakan pelajar serta beliau dan menjadi Presiden Angkatan Belia Islam (Abim) pada 1974-1982.

Anwar mengumumkan komitmennya kepada Umno di hadapan Dr Mahathir pada 29 Mac, 1982 dan menjadi calon Barisan Nasional (BN) untuk kerusi Parlimen Permatang Pauh, Pulau Pinang pada pilihan raya umum tahun itu.

Dari sinilah bermulanya kerjaya politik Anwar dalam kerajaan. Pada usia 35 tahun, selepas menumpaskan calon Pas dan DAP dengan majoriti 14,352 undi Anwar diberi kepercayaan menjadi Timbalan Menteri di Ja-

batan Perdana Menteri.

Mulai 1982 hingga 1987, Anwar dipilih sebagai Ketua Pemuda Umno.

Pada 2 Jun, 1983, Anwar dilantik sebagai menteri penuh oleh Dr Mahathir untuk menerajui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan setahun kemudian sebagai Menteri Pertanian.

Dengan kedudukan sebagai Menteri Pertanian, Anwar mengambil kesempatan mengotakan janjinya kepada penduduk Baling dan petani untuk membantu mengatasi masalah kemiskinan.

Pada 1986, Anwar dilantik sebagai Menteri Pendidikan manakala pada 24 April 1987, dipilih sebagai Naib Presiden Umno (mengekalakan jawatan itu selama dua penggal).

Di peringkat antarabangsa, Anwar cergas dalam pelbagai pertubuhan, termasuk Perhimpunan Belia Islam Sedunia (Wamy) bagi kawasan

Asia dan Pasifik (1976-1982) dan Pengerusi Unesco yang beribu pejabat di Paris.

Pada 15 Mac 1991, Anwar dilantik sebagai Menteri Kewangan menggantikan Tun Daim Zainuddin yang menyandang jawatan itu sejak 14 Julai 1984.

Baru-baru ini, Anwar dinamakan sebagai seorang daripada Menteri Kewangan terkemuka dalam majalah kewangan antarabangsa *Euromoney*.

Pemilihan beliau oleh majalah itu berasaskan kemampuannya meneruskan pertumbuhan pesat ekonomi negara dan aliran masuk pelaburan asing yang banyak serta mengawal inflasi.

Sejak memegang portfolio Kementerian Kewangan, kadar inflasi menurun ke paras 3.7 peratus bagi tempoh sehingga September tahun ini berbanding lebih empat peratus untuk tempoh yang sama tahun lalu.

KUALA LUMPUR, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini melantik Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebagai Timbalan Perdana Menteri yang baru.

Kenyataan Pejabat Perdana Menteri hari ini juga menyatakan Anwar akan terus memegang jawatan Menteri Kewangan yang disandanginya sejak 15 Mac 1991.

Perdana Menteri juga melantik Timbalan Menteri Kewangan, Abdul Ghani Othman, sebagai menteri Kabinet. Portfolio Ghani akan ditentukan kemudian. Kedua-dua perantikan itu berkuatkuasa hari ini.

Menurut kenyataan itu, kedua-dua perantikan itu sudah dimaklumkan kepada Yang di-Pertuan Agong, Sultan Azlan Shah.

Dr Mahathir juga memaklumkan kepada Kabinet yang bersidang hari ini mengenai perantikan itu. Tiada perubahan lain diumumkan.

Bulan lalu, Dr Mahathir berkata, beliau sendiri mengawasi portolio Pembangunan Luar Bandar yang dikosongkan oleh Ghafar Baba.

Ghafar meletakkan jawatan dalam Kabinet pada 15 Oktober lalu.

Sebelum ini, Anwar dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kabinet

Mengenai Pekerja Asing, menggantikan Ghafar.

Sementara itu, ketika ditemui di pekarangan Kementerian Kewangan sejurus selepas waktu pejabat, Anwar berkata, beliau bersyukur kepada Allah dan mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana perantikannya itu.

"Saya bersyukur kepada Allah dan berterima kasih kepada Perdana Menteri. Sekarang saya kena terus menjalankan kerja," kata Anwar yang

enggan mengulas lanjut. Anwar menang tanpa bertanding jawatan Timbalan Presiden Umno pada Perhimpunan Agung Umno 4 November lalu, setelah Ghafar, 68, tidak mempertahankan jawatannya.

Ghani, seorang daripada dua timbalan menteri kepada Anwar di Kementerian Kewangan, menduduki tempat kelima di kalangan 25 calon Majlis Tertinggi (MT) Umno de-

LIHAT MUKA 2